

Bantu kekal sumber asli

Jeep derma RM15,000 untuk Persatuan Alam Sekitar Malaysia pelihara hutan

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@hmetro.com.my

Prihatin terhadap keindahan alam sekitar dan kepentingan masyarakat perlu memelihara, pakaian kasual jenama antarabangsa, Jeep, menyampaikan cek berjumlah RM15,000 kepada Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS) dalam usaha membantu untuk mengekalkan kekayaan sumber asli itu.

Menurut Ketua Pegawai Operasi Jordone Group Sdn Bhd, Eric Loke, secara keseluruhannya, impak pemanasan global dan perubahan iklim mempengaruhi masyarakat sama ada menerusi cara yang baik mahupun sebaliknya.

Banyak pokok ditebang demi pembangunan dan kesannya dirasai penduduk setempat amnya dan dunia khususnya.

"Kita semua perlu menjaga, memelihara serta memulihara alam seki-

tar untuk memastikan masa depan yang lebih baik demi generasi masa depan. Justeru, saya juga menyeru komuniti dalam industri perniagaan dan dunia korporat bekerjasama melakukan usaha murni ini.

"Bagi pihak kami, sumbangan tidak seberapa ini diberikan sebagai tanda sokongan terhadap usaha mereka memelihara warisan semula jadi di negara kita," katanya.

Hasil kutipan itu dipe-

roleh melalui kempen Hari Persekitaran Jeep yang diadakan pada Julai hingga Oktober tahun lalu.

Matlamatnya untuk meningkatkan kesedaran di samping menggalakkan pelanggan Jeep bagi menggunakan semula dengan menggunakan serta mengamalkan gaya hidup sihat yang lebih mesra alam.

Sempena kempen itu juga, Jeep memperkenalkan koleksi terbaru mereka bertemakan Cinta Alam yang diilhamkan



TETAMU berkesempatan melakukan pelbagai aktiviti menarik.



LOKE menyampaikan sumbangan RM15,000 kepada MNS.

Jeep Willys Vintage.

Selain itu, antara aktiviti utama yang diadakan sempena kempen berkenaan adalah siri jelajah berkonsepkan kehidupan tanpa batasan 2012. Menerusinya, kutipan akan disalurkan ke dana GREENAid MNS untuk memulihara dan melindungi hutan hujan di negara kita

seperti di Kompleks Hutan Belum-Temenggor.

Sudah wujud lebih 130 juta tahun lalu, hutan ini lebih tua daripada hutan Amazon dan Congo Basins. Penghuninya pula terdiri daripada haiwan liar yang kian pupus seperti harimau, gajah, badak sumbu dan tapir Malaya.

Pengarah Eksekutif MNS, Mohamed Shah Redza Hussein berkata, pihaknya gembira kerana masih terdapat badan korporat yang tampil memberi sumbangan agar keindahan flora dan fauna dapat dilindungi daripada kegiatan jenayah seperti pemburuan haram haiwan terpelihara.

Yes 4G and Konsortium Transnasional Berhad



KINI penumpang KTB boleh merasai pengalaman perjalanan dengan Wi-Fi Yes 4G di dalam bas.

Penumpang bas dapat guna Internet percuma

Internet menjadi keperluan penting kepada setiap individu masa kini untuk pelbagai kegunaan. Tanpanya, hidup masyarakat sekarang bagaikan

kekurangan kerana untuk bekerja juga kita memerlukan sumber Internet.

Mungkin disebabkan itu, menerusi gajet sekecil telefon bimbit pintar, ca-

rian Internet disediakan agar memudahkan semua orang mencari maklumat dengan lebih pantas.

Terkini, penumpang bas Konsortium Transna-

sional Berhad (KTB) diberi akses mudah ke rangkaian Yes 4G menerusi Wi-Fi hotspot di bas kelolaan KTB iaitu Nice, Imperial dan Transnasional supra-

ya penumpang KTB dapat menikmati kelajuan pantas bagi Internet mudah alih mereka.

Perkhidmatan Yes 4G Wi-Fi itu boleh diakses menerusi komputer riba, tablet, iPhone, iPad serta telefon Android dan setiap penumpang mendapat Wi-Fi percuma bagi 30 megabait. Untuk menambah kapasiti, penumpang boleh membeli pas Yes ID sementara dengan harga hanya RM5 (500 megabait) di kaunter tiket KTB atau di dalam bas.

Pengerusi dan Pengarah Urusan KTB, Datuk Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh berkata, setiap penumpang boleh mencuba perkhidmatan Yes 4G melalui Wi-Fi secara percuma, sehingga 30 megabait - cukup untuk menikmati lebih kurang 10 lagu, muat turun 30 gambar atau menyemak 400 e-mel.

"Kerjasama ini bertujuan menyediakan rangkaian hebat Yes 4G kepada semua penumpang agar membolehkan mereka berasa setiap perjalanan itu menjadi lebih singkat dan menarik dengan hiburan dan aktiviti produktif.

"Kami memilih Yes 4G kerana melalui rekod prestasinya, terbukti liputan mereka tiada tandingan di sepanjang lebuh raya lantas membolehkan sambungan tanpa sekatan walaupun semasa perjalanan jarak jauh," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif YTL Communications Sdn Bhd, Datuk Yeoh Seok Hong pula berkata, tindakan KTB itu layak dipuji kerana perkhidmatan sedemikian bukan saja mampu memberi kegembiraan kepada penumpang, malah ia turut meletakkan KTB sebagai organisasi yang memahami kehendak pelanggannya.

"Apabila penumpang mempunyai ID Yes, mereka boleh menikmati rangkaian Yes 4G kami tidak kira di dalam atau di luar bas, menerusi apa saja alat peranti yang dimiliki," katanya.

Yes adalah jenama di bawah YTL Communications yang menawarkan Internet mudah alih 4G terpacak dengan perkhidmatan suara di Malaysia.